

0063

U B773 DEB  
MAHATHIR - PROTON

SHAH ALAM, 16 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA PERUSAHAAN OTOMOBIL NASIONAL (PROTON) AKAN MENCAPAI TAHAP PENGGUNAAN 80 PERATUS BAHAN DAN KOMPONEN TEMPATAN DALAM KERETA NASIONAL MENJELANG 1992.

PERDANA MENTERI BERKATA MENJELANG AKHIR TAHUN INI PROTON AKAN MENCAPAI TAHAP PENGGUNAAN 72 PERATUS BAHAN DAN KOMPONEN TEMPATAN BERBANDING HANYA 18 PERATUS KETIKA PERUSAHAAN KERETA ITU DILANCARKAN KIRA-KIRA LIMA TAHUN LEPAS.

+KITA TIDAK TERFIKIR LANGSUNG KITA BOLEH BUAT PROJEK YANG SEBEGINI BESAR. TETAPI INILAH KEJAYAAN YANG DICAPAI OLEH PROTON,+ KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MELAKUKAN UPACARA MEMECAH TANAH TAPAK KILANG PEMESINAN KOMPONEN ENJIN DAN PEMASANGAN TRANSMISI KERETA PROTON DI SINI.

BELIAU BERKATA, DAHULU RAMAI YANG TIDAK YAKIN TETAPI SEKARANG JELASLAH BAHAWA MALAYSIA MAMPU MENGELUARKAN KOMPONEN KERETA BAHKAN KALAU BOLEH PROTON MAHU 100 PERATUS BAHAN DAN KOMPONEN KERETA NASIONAL ITU DIBUAT DALAM NEGARA.

KATANYA, BAGAIMANAPUN PROTON AKAN MENGEKALKAN PERKONGSIANNYA DENGAN MITSUBISHI MOTORS CORPORATION (MMC) DARI JEPUN. -- LAGI.  
1520MST 16 03 90

0065

U B774 DEB  
MAHATHIR - PROTON 2 SHAH ALAM

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERKONGSIAN ITU MEMBERIKAN MANFAAT YANG BESAR KEPADA KEMAJUAN INDUSTRI AUTOMOTIF NEGARA TERUTAMA DARIPADA SEGI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) MEMANDANGKAN BIDANG ITU SENTIASA PESAT BERKEMBANG.

BELIAU YAKIN KERJASAMA DENGAN MMC ITU AKAN MEMBERI HASIL YANG BAIK TERMASUKLAH DARIPADA SEGI PEMINDAHAN TEKNOLOGI TINGGI KE MALAYSIA.

BELIAU YAKIN PARA PEKERJA MALAYSIA YANG BERDISIPLIN TINGGI MAMPU MENCAPAI TAHAP KECEKAPAN DAN KEMAHIRAN YANG DIKEHENDAKI OLEH INDUSTRI ITU DI BAWAH LATIHAN DAN PENGURUSAN YANG BAIK.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYEBUT BEBERAPA KEJAYAAN YANG DICAPAI OLEH PROTON IAITU TERMASUKLAH KEUPAYAANNYA MENGELUARKAN MODAL SENDIRI BERJUMLAH \$100 JUTA UNTUK MEMBINA KILANG PEMESINAN KOMPONEN ENJIN DAN PEMASANGAN TRANSMISI ITU.

KATANYA, PROTON JUGA MENCATAT REKOD DALAM SEJARAH AUTOMOTIF DUNIA KERANA MAMPU MENGELUARKAN KERETA UNTUK PASARAN EKSPORT DALAM MASA SESINGKAT LIMA TAHUN BERBANDING DENGAN NEGARA LAIN YANG TERLEBIH DAHULU MENGELUARKAN KERETA SEPERTI KOREA SELATAN YANG MENGAMBIL MASA 29 TAHUN. -- LAGI.

1524MST 16 03 90

0067

U 8775 DEB  
MAHATHIR - PROTON 3 SHAH ALAM

KETIKA BERUCAP SEBELUM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERKEMBANGAN DAN KEMAJUAN YANG DICAPAI OLEH PROTON MERUPAKAN SATU BUKTI BAGAIMANA USAHA DAN DEDIKASI PEKERJA DAN PENGURUSAN BOLEH MEMAJUKAN SESEBUAH SYARIKAT.

PERDANA MENTERI BERKATA MESKIPUN PELANCARANNYA DIBUAT SEMASA KEMELESETAN EKONOMI, PROTON KINI TELAH BERJAYA MEMPERBAIKI KEDUDUKANNYA.

BELIAU BERKATA KERAJAAN MENYOKONG PENUH RANCANGAN PROTON UNTUK MENAMBAHKAN PENGGUNAAN BAHAN TEMPATAN SEHINGGA TAHAP 80 PERATUS DALAM KERETA NASIONAL DAN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA MMC DAN MITSUBISHI MOTORS YANG MEMBERI PERTOLONGAN DAN KERJASAMA MEMASTIKAN USAHA ITU TERCAPAI.

SEJAJAR DENGAN PERKEMBANGAN ITU, BELIAU MAHU PENGUSAHA BUMIPUTERA DI BIDANG YANG BERKAIT RAPAT DENGAN INDUSTRI AUTOMOTIF SEPERTI PENGUSAHA BIDANG TEMPAAN DAN LEBURAN MENINGKATKAN KEUPAYAAN TEKNOLOGI MEREKA SUPAYA MAMPU BERSAING DENGAN PENGUSAHA DI NEGARA MAJU.

KATANYA, PARA PENGUSAHA TEMPATAN JUGA HENDAKLAH MENJANGKAU KE DUNIA LUAR SUPAYA DAPAT MENEROKAI PASARAN YANG LEBIH LUAS DAN TIDAK TERHAD KEPADA PASARAN TEMPATAN SAHAJA. -- LAGI.

1528MST 16 03 90

0068

U 8776 DEB  
MAHATHIR - PROTON 4 SHAH ALAM

PENGERUSI PROTON, TAN SRI JAMIL MOHD JAN BERKATA, DALAM FASA SATU PROJEK ITU, EMPAT KOMPONEN ENJIN AKAN DIMESIN DI PROTON IAITU +INLET MANIFOLD+, +FLYWHEEL+, +EXHAUST MANIFOLD+ DAN +REAR OIL SEAL CASE+.

KATANYA, FASA KEDUA PULA MELIBATKAN PEMESINAN +CAMSHAFT+ DAN +CRANKSHAFT+.

BELIAU BERKATA KEMUDAHAN DAN KELENGKAPAN YANG DIPASANG DI KILANG ITU KELAK AKAN MAMPU MENGELUARKAN KOMPONEN ENJIN UNTUK 7,000 UNIT KERETA DAN MEMASANG 6,000 UNIT TRANSMISI KERETA SEBULAN.

BANGUNAN KILANG BARU PROTON ITU TERLETAK DI TAPAK SELUAS 8,000 METER PERSEGI DAN DIJANGKA SIAP PADA BULAN FEBRUARI 1991. -- BERNAMA.

1530MST 16 03 90

0069